

25/02/1998

Kempen kesedaran IT berjalan lancar

Khairul Anuar Samad

KEMPEN Kesedaran Teknologi Maklumat (IT) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu akan diteruskan walaupun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi.

Malahan Kerajaan akan memastikan ia mencapai kejayaan dan matlamatnya dengan bantuan pelbagai pihak termasuk syarikat swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

Jaminan itu disuarakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Jamal Salimin, berdasarkan sambutan dan kerjasama pihak berkenaan dalam kempen itu sebelum ini.

"Berdasarkan sambutan menggalakkan kepada dua kempen yang diadakan di Kedah dan Selangor tahun lalu, ia tentu mencapai matlamat dan sasarannya.

"Walaupun Kerajaan terpaksa membuat pemotongan perbelanjaannya, kempen itu tetap diteruskan dengan bantuan dan sokongan pihak ketiga, terutama yang terbabit dalam sektor IT selain jabatan atau agensi Kerajaan sendiri.

"Sehingga kini maklum balas daripada sektor berkenaan begitu memuaskan yang mana mereka terus menawarkan kerjasama bagi menjayakannya," katanya kepada Komputer selepas mempengerusi mesyuarat jawatankuasa penyelaras kempen itu di Angkasapuri, minggu lalu.

Antara anggota jawatankuasa kempen itu ialah Jabatan Penerangan; Jabatan Penyiaran; Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom); Mimos Berhad dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Kempen Kesedaran IT itu dilancarkan di peringkat negeri dengan Kedah sebagai perintisnya dan dirasmikan oleh Dr Mahathir, November tahun lalu. Ia disusuli negeri Selangor. Kempen tahun ini akan dimulakan di Perak bulan depan dan Menteri Besarnya, Tan Sri Ramli Ngah Talib, dijangka akan merasmikannya.

Kempen itu akan diadakan di beberapa negeri terpilih di seluruh negara antaranya Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Melaka dan Pahang.

Sehingga kini, masyarakat sudah mula menyedari kepentingan IT dan ingin menikmati faedah daripada penggunaannya.

Jamal berkata, beberapa negeri berminat dan berlumba untuk menganjurkan kempen itu tetapi terpaksa diperlahankan ekoran kegawatan ekonomi serta peruntukan terhad.

Bagi memastikan kesinambungan kempen itu, Kerajaan akan menggerakkan jenteranya di peringkat negeri dan daerah untuk mempertingkatkan kesedaran IT di kawasan berkenaan.

"Walaupun jentera Kerajaan sudah digerakkan ke arah menjayakan kempen itu, Kerajaan sentiasa mempertingkatkan keupayaannya dalam memangkinkannya," katanya.

Mengenai publisiti kempen, Kerajaan menggalakkan stesen penyiaran swasta (radio dan televisyen) turut serta dalam membantu meningkatkan penyebaran maklumat mengenai kempen itu.

"Publisiti daripada Kerajaan kini begitu memuaskan dengan perancangan jangka pendek dan panjang untuk dilaksanakan secara berperingkat hingga tahun 2000," kata Jamal.

Matlamat kami, menurutnya, memastikan pengguna yang buta IT dan tidak menggunakan IT sepenuhnya akan sedar kepentingannya dan menghayati, seterusnya mempraktikkannya.

"Kerajaan akan berusaha memastikan pengguna, terutama di luar bandar, mendapat manfaat sepenuhnya daripada IT dalam kehidupan secara bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Kemas," katanya lagi.

(END)